

16 MAR 2001

LEAD Mahathir-Chong

CHONG GANTI OSU SEBAGAI KETUA MENTERI SABAH

KUALA LUMPUR, 16 Mac (Bernama) -- Menteri Pembangunan Pelancongan, Alam Sekitar, Sains dan Teknologi Sabah Datuk Chong Kah Kiat dilantik Ketua Menteri Sabah yang baru, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata Chong, yang juga Presiden Parti Liberal Demokratik (LDP) akan menggantikan Datuk Osu Sukam sebagai Ketua Menteri Sabah yang baru mengikut sistem penggiliran negeri itu yang telah dipinda sedikit.

"Oleh kerana Umno merupakan parti yang terbesar dalam kerajaan Sabah, kita akan memberi dua kali kepada Umno berbanding dengan sekali bagi parti bumiputera bukan Islam dan parti yang mewakili orang Cina," katanya pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) di Manara Datuk Onn di sini hari ini.

Dr Mahathir tidak sempat menjelaskan bagaimana formula baru itu dilaksanakan kerana kesuntukan masa untuk menunaikan solat Jumaat.

Bagaimanapun, menurut Presiden Parti Maju Sabah (SAPP) Datuk Yong Teck Lee, apa yang beliau faham mengenai formula baru itu ialah Umno akan memegang jawatan Ketua Menteri secara silih berganti dengan parti komponen BN Sabah yang lain.

Sebagai contoh, katanya, Umno akan memegang jawatan Ketua Menteri untuk tempoh dua tahun diikuti oleh parti komponen lain untuk tempoh dua tahun lagi.

Jawatan itu akan kembali disandang oleh Umno untuk tempoh dua tahun lagi sebelum sebuah parti komponen lain pula mengambil alih, katanya.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN, sebelum itu mengadakan perjumpaan berasingan dengan Badan Perhubungan Umno Sabah dan ketua-ketua parti komponen BN Sabah di tempat yang sama.

Perdana Menteri juga tidak menjelaskan bila Chong akan mengambil alih tugas daripada Osu.

Dr Mahathir berkata semua parti komponen BN telah menerima formula baru itu dan akan membuat penjelasan kepada para penyokong masing-masing.

"Saya (telah) jumpa juga dengan Perhubungan Umno (Sabah), mereka terima, saya jumpa dengan BN Sabah, mereka terima dan BN (Dewan Tertinggi) juga telah mendengar penjelasan ini, dan tidak ada bantahan apa-apa," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau akan berbincang dengan Chong mengenai barisan baru Kabinet Sabah, yang mungkin akan melibatkan sedikit perubahan.

Beliau bagaimanapun tidak menyatakan bila perbincangan itu akan diadakan.

Sistem penggiliran Ketua Menteri Sabah, yang diperkenalkan pada 1994, bertujuan menyediakan peluang kepada para pemimpin tiga kumpulan etnik utama di Sabah -- Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina -- untuk berkhidmat sebagai Ketua Menteri, masing-masing bagi tempoh dua tahun.

Setengah pihak mahukan sistem itu dikekalkan manakala yang lain mahu ia dihapuskan.

Sistem itu dicadangkan oleh Dr Mahathir semasa pilihan raya negeri Sabah pada 1994. Ia dilaksanakan apabila BN menawan semula kerajaan negeri daripada pembangkang pada 17 Mac, 1994, hampir tujuh tahun lepas.

Ketua Menteri pertama di bawah sistem itu ialah Tun Sakaran Dandai dari Umno. Sakaran memberi laluan kepada Datuk Salleh Said Keruak, juga dari Umno, apabila beliau dilantik sebagai Yang DiPertua Negeri Sabah.

Datuk Yong Teck Lee dari Parti Maju Sabah (SAPP) kemudian menggantikan Salleh bagi mengisi penggiliran untuk kaum Cina.

Tan Sri Bernard Dompok dari Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Bersatu (UPKO) yang menggantikan Yong sebelum pilihan raya negeri 1999, tewas pada pilihan raya itu selepas memegang jawatan itu separuh daripada tempoh penggal dan digantikan oleh Osu dari Umno.

Sementara itu, Chong, 53, memberitahu pemberita bahawa beliau terkejut dengan pelantikan itu.

"Saya berterima kasih kepada Perdana Menteri dan BN kerana memberikan saya tanggungjawab yang besar ini.

"Tugas saya adalah untuk memastikan BN akan terus diperkukuhkan dan saya akan bekerjasama dengan semua parti komponen BN," katanya.

Chong, anggota Dewan Undangan Negeri Kudat, berkata tempoh pelantikannya adalah selama dua tahun.

Menurutnya beliau akan menemui Dr Mahathir minggu depan mengenai majlis mengangkat sumpah dan barisan Kabinet Sabah yang baru, jika ada.

Ditanya bila beliau akan mengangkat sumpah, Chong berkata ia akan diputuskan selepas pertemuannya dengan Dr Mahathir.

Mengenai pindaan kepada sistem penggiliran Ketua Menteri yang memberi lebih peluang kepada Umno untuk menyandang jawatan itu, Chong berkata: "Ia baru dan saya berharap Umno akan mengambil alih sekali lagi selepas ini, dan selepas itu, pilihan raya akan diadakan."

"Apa yang penting ialah semua kaum, masyarakat mempunyai peranan. Ia bukan persoalan mengenai perubahan kerusi... kita perlu memainkan peranan masing-masing.

"Apa (yang penting) ialah semua parti komponen BN boleh menyumbang secara positif..." katanya.

Mengulas mengenai sistem yang diubahsuai itu, Yong memberitahu pemberita bahawa beliau percaya Dr Mahathir telah menimbang banyak faktor sebelum membuat keputusannya.

Beliau berkata semua pihak harus menyokong keputusan itu dan pada masa yang sama memberi sokongan penuh kepada Chong sebagai ketua menteri Sabah yang baru.

Ketika ditanya sama ada perubahan itu adalah formula yang terbaik, beliau berkata: "Dengan semua pertimbangan diambil kira dan banyak faktor yang terlibat, kami percaya bahawa perdana menteri telah membuat satu keputusan yang harus disokong oleh semua pihak."

Yong berkata Chong adalah seorang yang sangat berpengalaman dan merupakan ahli politik veteran yang pernah berkhidmat untuk kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri.

"Kami percaya bahawa semua parti komponen lain BN akan memberikan sokongan penuh kepada ketua menteri baru ini," katanya.

Presiden Angkatan Keadilan Rakyat Bersatu (AKAR) Datuk Pandikar Amin Mulia berkata partinya menyokong formula penggiliran yang diubahsuai itu.

"Saya rasa adanya 'tolak ansur' dalam formula ini yang menggambarkan semangat Barisan," katanya.

Beliau juga berkata bahawa Dr Mahathir telah menyatakan pada masa lepas bahawa tiada parti tertentu dalam BN yang akan sentiasa berpuas hati.

"Kerana jika satu parti tertentu yang sentiasa gembira, ini bermakna ia sudah tidak adil," katanya.

Pandikar Amir berkata keputusan perdana menteri mengenai isu penggiliran itu menggambarkan kebijaksanaan beliau dalam menangani perkara itu.

-- BERNAMA

AFY AT MAM NAK